

**S**ESUAI dengan perubahan gaya hidup yang semakin sibuk, keadah pembelian secara online kini semakin mendapat tempat. Malah, ia menjadi satu cara mudah untuk berbelanja dan mendapatkan barang keperluan tanpa perlu beratur panjang di kaunter atau bersesak-sesak di pusat membeli-belah.

Segala-galanya kini di hujung jari anda. Di negara-negara maju, pembelian melalui internet sudah lama diamalkan. Di negara kita, walaupun ia masih belum begitu rancak tetapi menunjukkan tanda-tanda positif dan pasti akan berkembang apabila masyarakat, khususnya golongan wanita yang mempunyai kuasa beli yang tinggi semakin mengenali kaedah pembelian secara maya ini.

Antara lain, pembelian secara talian ini memudahkan pembelian dan membuka peluang bagi kita untuk mendapat barangan edisi terhad atau yang tidak dijual di negara ini, jika bernasib baik mungkin dapat membeli sesuatu yang diminati pada harga lebih murah berbanding harga yang ditawarkan di kedai-kedai ataupun pusat membeli-belah.

Jika anda belum berpengalaman dan ingin mengetahui bagaimana pembelian secara maya dilakukan, sila baca artikel Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL) berikut. Mungkin ia dapat membantu, mana tahu mungkin suatu hari nanti anda menjadi salah seorang 'pelanggan online'.

Kelebihan membeli di internet adalah aktiviti ini dapat dilakukan pada bila-bila masa dan anda tidak perlu terkejar-kejar, berpusing-pusing mencari tempat letak kereta, mengelilingi kompleks membeli-belah untuk mencari barang keperluan dan beratur panjang di kaunter pembayaran.

Melalui internet juga anda dapat mencari barangan yang berkualiti pada harga berpatutan dan lebih murah. Anda juga boleh membeli model barangan berjenama yang tidak dijual di negara kita.

Terdapat juga laman web yang menyiarkan perakuan dan komen pembeli yang pernah menggunakan barangan itu. Anda boleh mempertimbangkan komen mereka sebelum membuat pembelian agar wang yang dikeluarkan berbaloi.

#### KEKURANGAN MEMBELI DI INTERNET

Anda mungkin terpaksa menunggu lama untuk memiliki barangan yang dibeli. Produk dari luar negara biasanya mengambil masa untuk tiba ke tangan anda. Tidak mustahil juga anda akan tertipu.

Sebaiknya, dapatkan maklumat terlebih dahulu mengenai syarikat atau penjual yang berkenaan. Sekiranya syarikat tersebut adalah syarikat tempatan maka ianya lebih mudah untuk membuat rujukan. Jika terdapat sebarang masalah anda boleh terus pergi ke tempat tersebut tetapi jika di luar negara mungkin sukar.

Lazimnya pembeli gemar meneliti, membelek dan mencuba sesuatu sebelum membeli, terutama pakaian bagi memastikan ia benar-benar sesuai dan selesa untuk digunakan. Sayangnya, membeli melalui internet tidak memberikan anda peluang ini. Anda tidak dapat menyentuh hanya sekadar membaca komen pembeli lain. Apa yang anda lihat di internet tidak memberikan gambaran sebenar barangan yang ingin anda beli.

Kemungkinan barangan yang tiba itu rosak dan anda perlu menukarnya. Sudah pasti ianya akan mengambil masa. Sebagai pembeli, pandai-pandailah, anda yang akan menanggung risikonya.

#### TIPS MEMBELI

Berdasarkan kelebihan dan kekurangan pembelian secara dalam talian ini, berikut PKPKL sertakan beberapa tips yang boleh membantu anda agar hak anda sebagai pengguna terus terpelihara:

- ▶ Kunjungi laman membeli-belah di internet.
- ▶ Cari dan pilih barangan yang dikehendaki.
- ▶ Semak harga dan caj penghantaran.
- ▶ Ketahui terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan.
- ▶ Pilih cara pembayaran dan masukkan data yang diminta.

▶ Jawapan sama ada pembelian anda berjaya atau tidak akan dimaklumkan di laman yang sama.

▶ Jika berjaya, jangan lupa mencetak dan menyimpan setiap dokumen yang berkaitan dengan pembelian anda. Ini boleh dijadikan bukti pembelian, juga boleh menjadi rujukan jika berlaku masalah ketika proses penghantaran. Anda juga memerlukan dokumen ini jika ada kerosakan sebaik barangan tiba ke tangan anda.

▶ Kad kredit paling mudah dan selamat. Bagaimanapun, jangan dedahkan nombor keselamatan sosial untuk mengelakkan identiti anda dicuri.

▶ Selain itu terdapat beberapa cara lain untuk membuat pembayaran seperti:

- Kad debit
- Cek
- Kiriman wang
- Paypal iaitu perniagaan e-commerce yang membolehkan pembayaran dan penukaran wang melalui internet yang ditawarkan oleh ebay.

Harus diingat tidak semua barang dari luar negara dapat dibeli melalui internet. Apa pun, belilah dengan bijak dan sebaik-baiknya. Sebaik-baiknya belilah barangan buatan Malaysia kerana barangan buatan Malaysia juga berkualiti dan bermutu tinggi menyamai barangan luar negara.

— Terbitan Persatuan Keselamatan Pengguna Kuala Lumpur (PKPKL), PKPKL@hotmail.com

# PEMBELIAN MELALUI INTERNET

